



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERTHORMAT  
DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**PROGRAM PENGEDARAN JALUR GEMILANG  
TAHUN 2022**

**6 SEPTEMBER 2022 (SELASA)**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Keluarga Malaysia,

## **SALUTASI**

- (i) YBhg. Tan Sri Dato' Low Kian Chuan**  
**Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM)**
- (ii) YBhg. Datuk Ng Yih Pyng**  
**Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor**
- (iii) YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim**  
**Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara**
- (iv) YBrs. Dr. Kang Tong Hum**  
**Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara**
- (v) YBhg. Dato' Hajah Norison binti Ramli**  
**Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan izinNya kita dapat bersama-sama pada hari ini sempena Program Pengedaran Jalur Gemilang Tahun 2022 oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor.
2. Syukur Alhamdulillah, untuk tahun ini kita dapat mengadakan program-program Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia secara bersemuka setelah lebih dua tahun kita hidup dalam suasana norma baharu susulan penularan wabak pandemik COVID-19. Tahniah atas kerjasama erat Keluarga Malaysia, kerana pada hari ini kita berjaya memasuki fasa peralihan ke endemik dan kehidupan seharian kita hampir kembali seperti sedia kala.

## **SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA**

3. Hari Kebangsaan pada tahun ini telah disambut dengan meriah oleh Keluarga Malaysia terutamanya acara perbarisan yang telah diadakan pada 31 Ogos di Dataran Merdeka bagi peringkat kebangsaan dan juga dilaksanakan di seluruh negeri.

4. Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini ialah 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama'. Tema ini amat bersesuaian dengan iltizam dan konsep keharmonian dan perpaduan Keluarga Malaysia selain menonjolkan kekuatan dan kesepaduan kolektif oleh Keluarga Malaysia dalam mengharungi pelbagai cabaran dengan mengambil kira kepentingan dan kesejahteraan rakyat dipelihara seperti menjaga sebuah keluarga agar kemakmuran negara dinikmati bersama secara adil dan saksama.

## **PERANAN NGO DALAM AGENDA PERPADUAN NEGARA**

5. Setiap pihak bermula daripada individu, keluarga, institusi pendidikan, pemimpin, komuniti korporat, badan-badan bukan kerajaan, media dan seluruh masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing dalam pelaksanaan agenda perpaduan negara. Kita semua adalah agen perpaduan.
6. NGO memainkan peranan yang amat penting terutama dalam menyokong usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

7. Melalui NGO, saudara-saudari menyumbang jasa bakti dan keringat kepada masyarakat dengan rela hati, tanpa mengharapkan sebarang balasan wang ringgit.
8. Dalam usaha Kerajaan memupuk semangat perpaduan, NGO-NGO turut memainkan peranan dalam melaksanakan program-program di peringkat masyarakat yang berfokuskan kepada pengukuhan perpaduan serta integrasi nasional.
9. Untuk ini, Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara turut mengiktiraf peranan penting NGO dalam mendukung usaha-usaha pemerkasaan perpaduan masyarakat majmuk melalui strategi-strategi yang telah digariskan di dalam Dasar Perpaduan Negara.
10. Sebagai contoh, di bawah Strategi 2, Teras ke-3, Dasar Perpaduan Negara, kita beriltizam untuk mengekalkan, membina dan mengukuhkan tapak integrasi perpaduan terutama di peringkat komuniti melalui aktiviti-aktiviti kesukarelawanan serta peningkatan kesedaran terhadap peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam komuniti.
11. Aktiviti-aktiviti yang kerap NGO-NGO laksanakan seperti kebudayaan dan sukan dalam komuniti juga dititikberatkan di dalam Teras ini sebagai salah

satu tapak integrasi yang wajar kita peringkatkan dalam memperkukuh nilai-nilai perpaduan.

12. Ini adalah kerana, melalui aktiviti-aktiviti seperti ini akan berlakunya interaksi antara kaum dan masyarakat berbeza latar budaya secara tidak langsung.
13. Selain itu, penekanan terhadap usaha rapat Kementerian bersama rakan-rakan NGO dan swasta turut digariskan di bawah Strategi 3, Teras 3, Dasar Perpaduan Negara sebagai salah satu inisiatif dalam memanfaatkan sepenuhnya sumber dan kepakaran yang ada agar usaha-usaha kita dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memberi impak kepada kumpulan sasar.

### **Program Pengedaran Jalur Gemilang Tahun 2022**

14. Saya menghargai usaha Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor sebagai rakan kerjasama strategik Kementerian Perpaduan Negara (KPN) atas inisiatif penganjuran Program Pengedaran Jalur Gemilang Tahun 2022 pada hari ini dan penganjuran program-program kerjasama lain dari semasa ke semasa.

15. Saya juga menghargai penglibatan dari Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Kuala Lumpur dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Kuala Lumpur dan Selangor yang turut menyertai program pada hari ini atas semangat Keluarga Malaysia.
  
16. Selaras dengan semangat Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, saya menyeru kepada seluruh Keluarga Malaysia untuk menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang bagi mencerminkan rasa cinta terhadap tanah air.
  
17. Selain mengibarkan Jalur Gemilang, semua jentera perpaduan termasuk NGO dan rakan-rakan kerjasama di peringkat komuniti juga perlu memperbanyakkan program-program perpaduan berteraskan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia bagi menyuburkan semangat patriotik dalam diri kita.

## **PENUTUP**

18. Sebagai mengakhiri ucapan, Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor atas segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan dalam menjayakan program ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.